

20 APR 2001

Mahathir-Thailand

MALAYSIA HARGAI BANTUAN THAILAND, KATA DR MAHATHIR

TUMPAT, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghargai bantuan Thailand mencipta jentera membajak dan menuai padi yang lebih ringan untuk digunakan di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

"Ini adalah satu contoh jiran yang baik dengan mengamalkan sikap tolong menolong di antara satu sama lain. Mudah-mudahan lain kali Malaysia pula boleh menolong Thailand," katanya semasa melawat Ladang Merdeka Ana, di sini.

Sebuah syarikat swasta Thailand menghasilkan 30 jentera membajak dan dua jentera menuai padi untuk kegunaan di kawasan KADA.

Jentera membajak dan menuai yang diimport oleh negara lain selama ini didapati kurang sesuai digunakan di KADA kerana berat dan sukar beroperasi kerana tanah sawah yang lembut.

Dr Mahathir berkata usaha penggabungan tanah perlu dilaksanakan segera ke atas tanah yang saiznya kecil dan tidak ekonomi untuk diusahakan seawai sawah.

Menurutnya penggabungan tanah yang diusahakan secara profesional dan menggunakan teknologi moden boleh membantu meningkatkan pendapatan petani.

Perdana Menteri itu turut mengulangi tegurannya ke atas golongan yang menghasut petani di Kedah supaya supaya menunjuk perasaan meminta harga padi dinaikkan sekali ganda untuk menambahkan pendapatan mereka.

"Sekiranya kerajaan menaikkan harga padi, orang miskin akan menjadi lebih susah. Sepatutnya mereka berusaha meningkatkan hasil pengeluaran untuk menambahkan pendapatan mereka," katanya.

Di majlis itu, Dr Mahathir menyampaikan dividen rancangan pertanian berkelompok KADA berjumlah RM360,000 kepada wakil-wakil lebih 1,700 pesawah KADA.

Sementara itu, Pengerusi KADA Tan Sri Hussein Ahmad ketika berucap di majlis itu, berkata Thailand menjual jentera-jentera itu kira-kira RM20,000 seunit berbanding dengan RM100,000 jika diimport dari negara lain.

Syarikat itu juga bersetuju membuat kedua-dua jenis jentera itu di Kelantan dengan menggunakan komponen tempatan secara berperingkat-peringkat.

-- BERNAMA

JM NHA NAK